

Gunakan anak2 lemahkan Umno didedah

B.M. 27 APR 1980

MELAKA, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mendedahkan adanya musuh-musuh UMNO menjalankan ajaran agama untuk mengasingkan anak-anak ahli UMNO dari parti dengan harapan kekuatan parti UMNO akan merosot.

Musuh-musuh UMNO menggunakan ajaran agama supaya anak-anak tidak lagi menghormati ibu bapa mereka," kata Timbalan Presiden UMNO Malaysia itu. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Kita dapati musuh-musuh UMNO ini sedikit sebanyak sudah berjaya dan anak-anak ahli UMNO tidak lagi berminat kepada UMNO dan juga Kerajaan yang memerintah," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Timbalan Perdana Menteri mendedahkan demikian sewaktu berucap merasmikan konvensyen UMNO negeri Melaka yang pertama di Maktab Perguruan Perempuan Melaka di sini.

Turut hadir isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah, Ketua Menteri selaku Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Melaka, Encik Mohd Adib Haji Mohd Adam dan isteri, Puan Zainiah Hussain, Menteri Pelajaran Datuk Musa Hitam, selaku Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Melaka, dan Naib Presiden UMNO Malaysia, Encik Ghafar Baba.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, UMNO adalah sebuah

parti yang mempunyai bilangan ahli terbanyak di negara ini.

"Jika ahli-ahli UMNO tidak mengawasi dan memberi perhatian serius terhadap kegiatan musuh-musuh parti, kemungkinan pengaruh kita akan merosot dan UMNO akan lumpuh, dan terlucutlah kuasa yang ada pada kita," katanya dengan tegas.

Untuk itu beliau menyeru ahli-ahli UMNO mendedahkan perjuangan UMNO kepada anak-anak mereka sebagai benteng pertahanan m e n g g a g a l k a n matlamat musuh UMNO.

Beliau memberitahu, terdapat gerakan yang tidak menyenangkan berselindung di belakang politik untuk kegiatan lain.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, jika kita mengkaji parti-parti lawan, mereka adalah ekstrimis yang hanya berlandaskan emosi sa-

haja.

"Parti-parti lawan menggunakan emosi rakyat sahaja dan jika mereka dapat sokongan rakyat, serta menubuhkan Kerajaan, akan huruharalah negara kita yang berbilang kaum ini," katanya.

Oleh itu, kita haruslah mengekalkan pemerintahan UMNO iaitu dengan parti UMNO sendiri mengamalkan ajaran pentadbiran demokrasi UMNO.

Sementara itu, Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Melaka, Datuk Musa Hitam, berkata beliau puas hati dengan kedudukan politik dan pentadbiran UMNO Melaka sejak pilihanraya lalu.

"Kedudukan politik Negeri Melaka kini begitu tenang", katanya.

Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri, Encik Mohd Adib Haji Mohd Adam, dalam ucapannya meng-

ingatkan ahli-ahli UMNO perlu meneropong diri sendiri iaitu dengan mengkritik diri sendiri dahulu.

"Jangan tanpa usul periksa melemparkan tuduhan tidak berasas," ujarnya.

Malam tadi, Datuk Seri Dr. Mahathir menghadiri jamuan makan malam di Dewan Hang Tuah untuk mengutip derma Kompleks Ibu Pejabat UMNO Malaysia.

Jamuan itu berjaya mengutip hampir \$200,000.

Petang semalam, Datuk Seri Dr. Mahathir dan Encik Mohd Adib mendengar taklimat pembangunan dari Pegawai Daerah Alor Gajah, Encik Zainal Karib Abd. Rahim.

Datuk Seri Dr. Mahathir dan rombongan kemudian melawat dan meletakkan batu asas Kilang Kelapa Sawit Seri Lingga Sdn. Bhd di Kuala Sungai Bahru.